

**PEMIKIRAN PENDIDIK GURU
TERHADAP HASRAT DAN PELAKSANAAN
KURIKULUM LATIHAN GURU SEKOLAH BESTARI:
SATU KAJIAN KES DI EMPAT BUAH MAKTAB PERGURUAN.**

oleh

BAHARUDIN BIN YAACOB

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan
bagi Ijazah Doktor Falsafah**

September 2003

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T. kerana telah memberi kekuatan kepada saya untuk menyiapkan tesis ini. Dalam menyiapkan tesis ini saya telah mendapat bantuan, bimbingan dan dorongan yang tidak ternilai daripada beberapa pihak yang ingin saya rakamkan seperti di bawah.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih saya yang tidak terhingga kepada penyelia saya Prof Madya Dr. Mustapa Bin Kassim yang banyak memberi nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar dalam melaksanakan kajian ini. Terima kasih juga saya kepada Profesor Dr. Shukery Bin Mohamed, Dekan Sekolah Pendidikan Dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah selaku bekas penyelia saya yang banyak menolong dan membimbing saya terutama pada peringkat awal kajian ini. Saya juga turut terhutang budi dengan bantuan dan bimbingan Dr. Halim Bin Ahmad yang membantu saya menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan metodologi kajian.

Begitu juga ucapan terima kasih ditujukan kepada Dekan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia Prof. Madya Dr. Aminah Bt Ayob dan Timbalan Dekan; Dr. Abdul Rashid Bin Mohamed kerana memberi sokongan dan perhatian ketika menyiapkan kajian ini. Keprihatinan yang ditunjukkan telah menyemarakkan lagi semangat dalam usaha menyiapkan kajian ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia terutamanya Bahagian Biasiswa, Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Bahagian Pendidikan Guru, Pengarah Maktab terlibat (MPSAH, MPTB, MPIP, & MPP), rakan-rakan pendidik guru yang mempunyai kelapangan masa dan melayan kerena saya dan sudi menjadi responden kajian. Kepada rakan-rakan di MPTB dan MPSAH; Sahabat-sahabat saya: Encik Devindran dan isteri (Pn. Rumuthamalar), Haji Mohd Nor Jaafar, terima kasih atas segaja bantuan yang diberikan.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua orang tua saya: Bapa dan Emak atas pendidikan yang diberikan selama ini. Untuk keluarga tersayang: isteri Rosnah Bt Mohd Shariff dan anak-anak: Anis Zafira, Mohd Azil Muzammil dan Alisya Nur Bismin, terima kasih kerana memahami kepentingan pendidikan bagi menjamin masa depan dan memberi dorongan serta pengorbanan bagi membolehkan tesis ini disiapkan.

Sekian, terima kasih semua!

JADUAL KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xvi

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan.....	1
1.2 Konteks Inovasi Pendidikan.....	2
1.2.1 Sekolah Bestari Sebagai Satu Inovasi Pendidikan.....	5
1.2.2 Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari.....	12
1.3 Penyataan Masalah.....	22
1.4 Tujuan Kajian.....	28
1.5 Persoalan Kajian.....	29
1.6 Kepentingan Kajian.....	30
1.7 Pentafsiran Teori Kurikulum Dan Pendidikan Keguruan.....	31
1.7.1 Inovasi dan Kurikulum.....	31
1.7.2 Jenis-jenis Kurikulum.....	32
1.7.3 Pemikiran Pendidik Guru.....	40
1.7.3.1 Model Pemikiran Guru Dan Tindakan.....	49
1.7.3.2 Pengetahuan Kraf Profesional Pendidik Guru.....	50
1.8 Batasan Kajian.....	60
1.9 Definisi Operasional.....	61

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan.....	65
2.2 Konsep Kurikulum Secara Umum.....	68
2.3 Kajian-Kajian Pelaksanaan Kurikulum.....	78
2.4 Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pelaksanaan Inovasi Kurikulum...	81
2.5 Sekolah Bestari.....	88
2.6 Pendidik Guru.....	94
2.7 Perubahan dan Inovasi Oleh Pendidik Guru.....	98
2.8 Pemikiran	105
2.9 Teori-Teori Yang Berkaitan Dengan Pemikiran	106
2.9.1 Teori Interaksi Simbolik	106
2.9.2 Teori Kognitif	109
2.9.3 Teori Personaliti Kognitif	110
2.9.4 Teori Expectancy	111
2.9.5 Teori Perkembangan Pendidik.....	113
2.9.6 Model Keputusan Perancangan Pendidik.....	115
2.10 Kajian Pemikiran Pendidik Guru	116
2.10.1 Kajian Pengetahuan Peribadi Pendidik Guru	127
2.10.2 Kajian Pengetahuan Profesional Pendidik Guru	139
2.11 Konsep-Konsep Penting Dalam Kajian Pemikiran Pendidik Guru...	141
2.11.1 Perkembangan Profesionalisme	141
2.11.2 Pengetahuan Profesional	147
2.11.3 Pengetahuan Peribadi	149
2.11.4 Kepercayaan, Nilai dan Sikap	154
2.12 Model Kerangka Teori Kajian	160
2.12.1 Ideologi Pendidik Guru	162
2.12.2 Pengetahuan Pendidik Guru.....	164
2.12.3 Kurikulum Yang Dihasratkan	168
2.12.4 Pemindahan	169
2.12.5 Kurikulum Yang Diterima	170
2.13 Rumusan	170

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pendahuluan	172
3.2 Reka Bentuk Kajian	173
3.2.1 Kajian Kes Dan Rasionalnya.....	173
3.2.2 Subjek Kajian	177
3.2.2.1 Maktab Perguruan.....	177
3.2.2.1.1 Sampel Kajian.....	178
3.3 Tatacara Kajian	180
3.3.1 Instrumen Kajian	183
3.3.1.1 Soal Selidik	183
3.3.1.1.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan.....	190
3.3.1.2 Pemerhatian	191
3.3.1.3 Analisis Dokumen	194
3.3.1.4 Temubual.....	195
3.3.2 Pengesahan Alat Ukur	198
3.4 Kajian Rintis	200
3.5 Pengurusan Data	201
3.6 Prosedur Pentadbiran Kajian	201
3.7 Analisis Data	203

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	205
4.2 Latar Belakang Responden Kajian.....	205
4.3 Hasrat Dan Kepentingan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari....	209
4.4 Kepercayaan Dan Sikap Pendidik Guru Terhadap Hasrat Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari.....	214
4.4.1 Kepercayaan Dan Sikap Pendidik Guru Terhadap Kurikulum...	215
4.4.2 Kepercayaan Dan Sikap Pendidik Guru Terhadap Pengajaran...	218
4.4.3 Kepercayaan Pendidik Guru Terhadap Pendidik Secara Umum..	221
4.4.4 Kepercayaan ' <i>Self Efficacy</i> ' Pendidik Guru.....	224
4.5 Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari	227

4.6 Halangan-Halangan Yang Dihadapi Oleh Pendidik Guru Dalam Melaksanakan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Di Maktab Perguruan.....	231
 4.6.1 Halangan-Halangan Utama	233
4.7 Keadaan-Keadaan Yang Menggalakkan Pendidik Guru Dalam Melaksanakan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Di Maktab Perguruan.....	237
4.8 Analisis Data Kualitatif	241
4.9 Tinjauan Kajian Kes Ali.....	243
4.9.1 Pemikiran Ali Terhadap Kurikulum	243
4.9.2 Pemikiran Ali Terhadap Pengajaran	245
4.9.3 Pemikiran Ali Terhadap Guru Peserta Kursus Dan Pembelajaran.	247
4.9.4 Pemikiran Ali Terhadap Konteks Institusi	249
4.9.5 Pemikiran Ali Terhadap Pendidikan	250
4.9.6 Pemerhatian Pengajaran Bagi Kes Ali	251
4.9.6.1 Pemerhatian Pengajaran Pertama	251
4.9.6.2 Pemerhatian Pengajaran Kedua	254
4.9.7 Sejauhmanakah Kepercayaan, Nilai Dan Sikap Ali Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Di Maktab Perguruan?.....	255
4.9.8 Sejauhmanakah Pengetahuan Kraf Profesional Ali Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Di Maktab Perguruan?.....	257
4.9.9 Sejauhmanakah Pernyataan Hasrat Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Ali Di Maktab Perguruan?.....	260
4.10 Tinjauan Kajian Kes Ritzuan	265
4.10.1 Pemikiran Ritzuan Terhadap Kurikulum	266
4.10.2 Pemikiran Ritzuan Terhadap Pengajaran.....	268
4.10.3 Pemikiran Ritzuan Terhadap Guru Peserta Kursus Dan Pembelajaran.....	271
4.10.4 Pemikiran Ritzuan Terhadap Konteks Institusi	272
4.10.5 Pemikiran Ritzuan Terhadap Pendidikan	273
4.10.6 Pemerhatian Pengajaran Bagi Kes Ritzuan	274

4.10.6.1 Pemerhatian Pengajaran Pertama.....	274
4.10.6.2 Pemerhatian Pengajaran Kedua.....	277
4.10.7 Sejauhmanakah Kepercayaan, Nilai Dan Sikap Ritzuan Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Di Maktab Perguruan?.....	279
4.10.8 Sejauhmanakah Pengetahuan Kraf Profesional Ritzuan Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Di Maktab Perguruan?.....	282
4.10.9 Sejauhmanakah Pernyataan Hasrat Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Ritzuan Di Maktab Perguruan?.....	284
4.11 Tinjauan Kajian Kes Ismail.....	292
4.11.1 Sejauhmanakah Kepercayaan, Nilai Dan Sikap Ismail Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Di Maktab Perguruan?.....	293
4.11.2 Sejauhmanakah Pengetahuan Kraf Profesional Ismail Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Di Maktab Perguruan?.....	296
4.11.3 Sejauhmanakah Pernyataan Hasrat Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Ismail Di Maktab Perguruan?.....	298
4.12 Tinjauan Kajian Kes Naina	303
4.12.1 Sejauhmanakah Kepercayaan, Nilai Dan Sikap Naina Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Di Maktab Perguruan?.....	304
4.12.2 Sejauhmanakah Pengetahuan Kraf Profesional Naina Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Di Maktab Perguruan?.....	307
4.12.3 Sejauhmanakah Pernyataan Hasrat Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Naina Di Maktab Perguruan?	311
4.13 Tinjauan Kajian Kes Abdullah	316

4.13.1 Sejauhmanakah Kepercayaan, Nilai Dan Sikap Abdullah Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Di Maktab Perguruan?.....	316
4.13.2 Sejauhmanakah Pengetahuan Kraf Profesional Abdullah Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Di Maktab Perguruan?	318
4.13.3 Sejauhmanakah Pernyataan Hasrat Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Abdullah Di Maktab Perguruan?.....	320
4.14 Tinjauan Kajian Kes Mokhtar	326
4.14.1 Sejauhmanakah Kepercayaan, Nilai Dan Sikap Mokhtar Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Di Maktab Perguruan?.....	326
4.14.2 Sejauhmanakah Pengetahuan Kraf Profesional Mokhtar Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Di Maktab Perguruan?	330
4.14.3 Sejauhmanakah Pernyataan Hasrat Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Mokhtar Di Maktab Perguruan?.....	333
4.15 Tinjauan Kajian Kes Adnan	339
4.15.1 Sejauhmanakah Kepercayaan, Nilai Dan Sikap Adnan Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Di Maktab Perguruan?	339
4.15.2 Sejauhmanakah Pengetahuan Kraf Profesional Adnan Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Di Maktab Perguruan?.....	343
4.15.3 Sejauhmanakah Pernyataan Hasrat Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Adnan Di Maktab Perguruan?	345
4.16 Tinjauan Kajian Kes Sitarasu	351
4.16.1 Sejauhmanakah Kepercayaan, Nilai Dan Sikap Sitarasu Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Di Maktab Perguruan?	351

4.16.2 Sejauhmanakah Pengetahuan Kraf Profesional Sitarasu Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Di Maktab Perguruan?.....	354
4.16.3 Sejauhmanakah Pernyataan Hasrat Mempengaruhi Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Sitarasu Di Maktab Perguruan?.....	357
4.17 Rumusan.....	360

AB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan	361
5.2 Matlamat Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Di Maktab Perguruan	361
5.3 Kesimpulan Dapatan Kuantitatif	362
5.4 Konsep-Konsep Baru Dalam Dapatan Kajian.....	366
5.5 Amalan Pendidik Guru Dan Keadaan Sebenar Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Di Maktab Perguruan ...	370
5.6 Pertembungan Antara Hasrat Dan Kurikulum Yang Dilaksanakan..	370
5.7 Jurang Antara Hasrat Dan Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Dan Realitinya Di Maktab Perguruan	372
5.8 Rumusan Kajian.....	377
5.9 Implikasi Kajian.....	379
5.10 Cadangan Berkaitan	381
5.11 Cadangan Kajian Lanjutan	386
BIBLIOGRAFI	388

MPIRAN-LAMPIRAN:

mpiran A - Senarai Nama Sekolah Bestari Di Malaysia	414
mpiran B - Soal Selidik Kajian (Bahagian 1 hingga Bahagian 6)	417
mpiran C - Jadual Pemerhatian Pengajaran Harian Pendidik Guru	429
mpiran D - Struktur Aktiviti Segmen Pelajaran	430
mpiran E - Kerangka Pengetahuan Praktikal Peribadi Pendidik Guru	431
mpiran F - Soalan-Soalan Temubual Dengan Pendidik Guru	433
ampiran Surat-Surat Kebenaran	

JADUAL**SENARAI JADUAL****HALAMAN**

JADUAL	HALAMAN
1 Latarbelakang Responden Pendidik Guru.....	207
2 Hasrat Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Mengikut Taburan Kekerapan, Peratus, Sisihan Lazim Dan Pangkatan.....	210
4.3 Pemeringkatan Hasrat Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Oleh Pendidik Guru	213
4.4 Kecenderungan Kepercayaan Dan Sikap Pendidik Guru Terhadap Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Di Maktab Perguruan.....	216
4.5 Kepercayaan Dan Sikap Pendidik Guru Terhadap Pengajaran Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Di Maktab Perguruan.....	219
4.6 Kepercayaan Pendidik Guru Terhadap Pendidikan Secara Umum	222
4.7 Kepercayaan ' <i>'Self Efficacy'</i> Pendidik Guru.....	225
4.8 Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Di Maktab Perguruan	228
4.9 (a) Halangan-Halangan Dalam Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Di Maktab Perguruan.....	234
4.9 (b) Min Keseluruhan Bagi Kategori Halangan Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Di Maktab Perguruan	236

.10	Keadaan-Keadaan Yang Menggalakkan Pendidik Guru Dalam Melaksanakan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari Di Maktab Perguruan.....	238
4.11	Unit Pemetaan Pemikiran Ali Mengikut Kategori.....	264
4.12	Unit Pemetaan Pemikiran Ritzuan Mengikut Kategori.....	289
4.13	Unit Pemetaan Pemikiran Ismail Mengikut Kategori.....	291
4.14	Unit Pemetaan Pemikiran Naina Mengikut Kategori.....	302
4.15	Unit Pemetaan Pemikiran Abdullah Mengikut Kategori.....	315
4.16	Unit Pemetaan Pemikiran Mokhtar Mengikut Kategori	325
4.17	Unit Pemetaan Pemikiran Adnan Mengikut Kategori	338
4.18	Unit Pemetaan Pemikiran Sitarasu Mengikut Kategori	350

SENARAI RAJAH

HALAMAN

RAJAH

1	Model Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari	19
2	Kurikulum Yang Dihadmatkan	34
3	Kurikulum Yang Dipindahkan	35
4	Model Kurikulum Yang Diterima	37
.5	Model Pemikiran Pendidik Dan Tindakan.....	50
.6	Model In Action	58
.1	Model Kerangka Teori Kajian	161
.1	Reka Bentuk Kajian.....	177
.2	Tatacara Kajian Menggunakan Model SODI.....	181
.3	Huraian Model SODI Tatacara Kajian	182

ABSTRAK

Kajian ini menyelidiki sejauhmanakah pemikiran pendidik guru yang meliputi epercayaan, nilai, sikap dan pengetahuan kraf profesional telah mempengaruhi pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari (KLGSB) di dalam bilik darjah di peringkat maktab perguruan. Kajian ini cuba meneroka pemikiran pendidik guru terhadap hasrat KLGSB dan membandingkannya dengan situasi yang sebenar di bilik darjah di maktab perguruan. Kajian ini juga berusaha mengesan apakah faktor-faktor yang menghalang pendidik guru dari melaksanakan hasrat yang ditetapkan itu dan adakah apa yang sebenarnya berlaku itu mencerminkan realiti bilik darjah atau pelaksanaan KLGSB di maktab perguruan. Halangan-halangan yang dihadapi oleh pendidik guru perlu diambil kira bagi memahami faktor-faktor yang menjelaskan usaha pendidik guru dalam melaksanakan inovasi kurikulum ini. Kajian telah dilaksanakan dalam bentuk kajian kes dengan menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Model SODI oleh Hafidah (2000) telah dijadikan panduan bagi tatacara penyelidikan ini. Empat buah maktab perguruan di empat buah negeri di Utara Semenanjung Malaysia telah dipilih bagi melaksanakan kajian ini. Seramai 49 pendidik guru yang terlibat sebagai tenaga pengajar KLGSB pada peringkat maktab perguruan telah menjawab soal selidik yang mempunyai enam bahagian. Dari jumlah ini dua pendidik guru dari setiap buah maktab dan jumlahnya lapan telah terlibat dalam pengajaran kurikulum berkenaan telah menawarkan diri untuk dibuat pemerhatian pengajaran dan temubual. Data yang diperolehi telah dianalisis berasaskan elemen kebiasaan pengajaran iaitu berkaitan dengan kandungan kurikulum (KLGSB), pengajaran, guru peserta kursus dan pembelajaran, konteks

itusi, dan pendidikan secara umum. Dapatan kajian menunjukkan bahawa percayaan, nilai, sikap, pengetahuan kraf profesional dan hasrat peribadi pendidik guru at mempengaruhi pelaksanaan KLGSB dalam bilik darjah di peringkat maktab guruan. Dapatan juga memperlihatkan bahawa ada jurang yang wujud antara ikulum yang dihasratkan dengan apa yang hendak dilaksanakan. Cadangan emukakan agar suatu kajian lanjut mengenai pelaksanaan dan perkembangan KLGSB tidaklah dipertimbangkan. Aspek ilmu dan pengetahuan berkaitan dengan pemikiran didik guru hendaklah diberi keutamaan dalam pelaksanaan sesuatu kurikulum baru di maktab perguruan agar kandungan dan inovasi dalam kurikulum tersebut dapat praktikkan dengan lebih berkesan dan bermakna lagi.

ABSTRACT

CHER EDUCATOR THINKING TOWARDS AIMS AND IMPLEMENTATION OF TEACHER TRAINING CURRICULUM FOR SMART TOOLS: A CASE STUDY AT FOUR TEACHER TRAINING COLLEGES.

study investigates the extend teacher educators thinking, which consists beliefs, values, attitude and professional craft knowledge, influence the implementation of Teacher Training Curriculum for Smart Schools (TTCSS) in classrooms of the teacher training colleges. This study also attempts to explore teacher educators thinking towards aims of TTCSS and compares the actual classroom situation in teacher training colleges. In addition, this study attempts to identify the factors that impede teacher educators from implementing the aims and examines whether the classroom practices reflect actual classroom situations or the implementation of TTCSS in teacher training colleges. Obstacles faced by teacher educators need to be considered to understand the factors that undermines the teacher educators efforts in implementing curriculum innovation. This research was carried out as a case study using both quantitative and qualitative approaches. Research methodology employed in this study is based on Afidah's (2000) SODI Model. Four teacher training colleges from four different states in Northern Peninsular Malaysia were selected for this study. About 49 teacher educators who are involved as facilitator for the TTCSS have answered the questionnaire that consist of six sections. Two teacher educators from each of these four colleges totalling eight were observed teaching and interviewed. Data collected was analysed based on the usual pedagogical norms i.e. content of the curriculum (TTCSS), teaching practices, course-participants and learning, institutional context and education in general. Findings of this study shows that the teacher educators beliefs, values, attitude, professional craft

edge and the teacher educators' individual aims have significant influence on the presentation of the TTCSS at teacher training colleges. The findings also show that exists a wide gap between the aims of the curriculum and what is being nented. It is suggested that a further study on the implementation and development TTCSS is considered. The knowledge aspect and information related to the teacher tors' thinking need priority in the implementation of any new curriculum in teacher ng colleges, in order that the curriculum content and innovation is practised more ively and meaningfully.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pelbagai telahan dan andaian dibuat tentang keadaan dunia dan masyarakat pada alaf baru oleh penulis futuris seperti Ohmae (1991) dan Gates (1995). Ramalan-ramalan berdasarkan realiti dunia dan masyarakat masa yang sedang mengalami zaman ledakan teknologi maklumat. Biar apa pun ramalan mereka hakikat yang ternyata menunjukkan bahawa dunia semakin berubah. Pelbagai perubahan telah berlaku dalam semua bidang kehidupan manusia. Bidang pendidikan tidak terkecuali daripada perubahan ini (Juriah Long et al, 2000).

Dalam sistem pendidikan di Malaysia, sejak Laporan Kabinet 1979 diterbitkan, telah berlaku beberapa perubahan dalam perancangan kurikulum di peringkat sekolah rendah dan menengah termasuk Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Pendidikan di Malaysia sekali lagi mengalami anjakan paradigma dengan memperkenalkan program Sekolah Bestari yang merupakan satu usaha persediaan Kementerian Pendidikan Malaysia mencorakkan sistem pendidikan negara bagi keperluan alaf baru. Perancangan bermula pada awal tahun 1996, selaras dengan perkembangan Koridor Raya Multimedia (Multimedia Super Corridor). Sebagai permulaan sebanyak 90 buah sekolah di seluruh negara telah dipilih sebagai projek percubaan Sekolah Bestari, dan dijangkakan menjelang tahun 2010 semua sekolah rendah dan menengah seluruh Malaysia akan berstatus Sekolah Bestari (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997). Perancangan ini selaras dengan usaha untuk membina masyarakat Malaysia

abad ke 21 yang berdaya saing dan berupaya maju sebagaimana yang digariskan dalam Wawasan 2020 (Juriah Long et al, 2000).

1.2 Konteks Inovasi Pendidikan

Selaras dengan permodenan dan perkembangan teknologi yang begitu pantas, Malaysia harus memandang ke hadapan dan melihat apakah realiti sosial, politik dan ekonomi yang akan dihadapi pada abad ke 21. Tidak dinafikan Malaysia berdepan dengan berbagai cabaran yang kalau tidak ditangani dengan bijak dan berkesan akan memusnahkan segala apa yang telah dibina. Seiring dengan permodenan teknologi, pendidikan perlu berubah kerana satu cara bagi menghadapi segala cabaran yang hebat ini adalah melalui pendidikan;

Malaysia perlu melalui transisi kritis daripada ekonomi industri kepada pemimpin dalam zaman maklumat. Untuk merealisasikan visi ini, rakyat Malaysia perlu membuat anjakan asas ke arah tenaga kerja yang berliterasi teknologi, berkeupayaan bertindak dalam sekitaran kerja yang bersifat global, dan menggunakan alatan yang sedia ada dalam zaman maklumat (KPM, 1997:m.s.1).

Untuk melakukan anjakan, sistem pendidikan seharusnya diubah. Budaya persekolahan yang berdasarkan memori perlu diubah kepada yang berasaskan pengetahuan, maklumat, pemikiran kreatif dan penyayang dengan menggunakan sistem teknologi terkini. Perubahan penting kerana pendidikan merupakan satu kuasa yang dapat membentuk imej masyarakat (Patterson, 1960).

Sejak awal tahun sembilan puluhan, pelbagai peristiwa dan perubahan berlaku di Malaysia yang melibatkan aspek politik, ekonomi, sosial dan hubungan antarabangsa. Dari sudut domestiknya, Wawasan 2020 (Mahathir Mohamad 1991a) diisytiharkan, Dasar Pembangunan Nasional (Mahathir Mohamad, 1991b)

menggantikan Dasar Ekonomi Baru, Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000) dilancarkan dan Projek Koridor Raya Multimedia menjadi kenyataan. Sebelum krisis mata wang mula menggugat ekonomi negara-negara Asia pada pertengahan Julai tahun 1997, ekonomi negara telah berkembang dengan pesat, mencatatkan pertumbuhan antara yang tertinggi di Asia, malah di dunia. Adalah tidak memerlukan sekiranya ada yang berpandangan bahawa sebelum pertengahan tahun 1997 terdapat suatu perasaan yakin (*a sense of confidence*) dan iklim optimis (*a climate of optimism*) yang menyelubungi negara.

Dalam tempoh yang sama, alam pendidikan turut melalui beberapa pembaharuan. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyifatkan proses ini sebagai usaha yang berterusan dalam mereformasikan pendidikan (KPM, 1993). Antara pembaharuan tersebut termasuklah pengumuman Wawasan Pendidikan (Wan Mohd Zahid Mohd Nordin, 1993) dan penelitian semula Kurikulum Baru Sekolah Rendah diikuti dengan pengubahsuaianya menjadi Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KPM, 1994).

Istilah-istilah yang lazim digunakan dalam '*discourse*' pengurusan perniagaan seperti '*zero-defect*', '*reengineering*', '*total quality management*', '*bench-marking*' dan '*core business*' juga mula memasuki dan mencorak '*discourse*' rasmi pendidikan. Ada sesetengah pihak, umpamanya Elliot (1991) yang menilai perkembangan aliran ini sesuatu yang kurang sihat kerana matlamat sekolah tidak boleh disamakan dengan matlamat syarikat perniagaan. Situasi begini turut dijelaskan oleh Riley (1994). '*Education 'customer' hardly resembles the supermarket shopper*' (Riley, 1994:m.s.4). Riley (1994) telah mencadangkan apa yang diperhatikan berlaku di beberapa buah negara Barat iaitu peningkatan pengaruh alam perniagaan ke atas alam

pendidikan. Pada waktu yang sama, fenomena ini juga mencadangkan sempadan yang memisahkan kedua-dua alam sekarang menjadi semakin kabur. Perubahan-perubahan ini menyokong pandangan Kogan (1985) yang menyatakan bahawa;

Polisi pendidikan dan nilai-nilai saling bertindak dengan kecenderungan dan keadaan yang wujud pada satu-satu masa itu. Oleh itu, akibatnya wujud kecenderungan yang khusus ke arah perubahan yang seiring dengan perubahan sosial dan keadaan ekonomi (Kogan, 1985:m.s.11).

Konsep Sekolah Bestari muncul dalam '*discourse*' rasmi pendidikan pada masa perubahan dan perkembangannya adalah hasil daripada perubahan keadaan sosial dan ekonomi yang dilalui negara dan KPM merasakan Sekolah Bestari amat penting dilaksanakan. Keutamaan yang diberi kepada program Sekolah Bestari terbukti apabila kerajaan meneruskannya walaupun negara menghadapi masalah ekonomi. Menurut Ohmae (1991), dunia kini bersifat tanpa sempadan (*borderless*) lebih menjurus kepada daya saing. Kekuatan ekonomi sesebuah negara amat bergantung kepada keupayaan tenaga kerjanya menguasai teknologi terkini di samping berupaya berfikir dan bertindak secara bijak dalam persekitaran kerja yang tidak menentu (Handy, 1990), "*Sekolah Bestari bukan merupakan suatu kemewahan tetapi satu-satunya cara untuk maju ke hadapan*" (KPM, 1997, m.s.1). Keadaan ini penting kerana ia merupakan salah satu daripada tujuh aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia, satu daripada projek perdana yang kerajaan harapkan untuk menerajui dan menjadi '*jump-start*' kepada usaha negara menjadi pemimpin dalam zaman maklumat dan seterusnya menjadi enjin (pemangkin) baru pertumbuhan ekonomi ke arah merealisasikan matlamat Wawasan 2020.

1.2.1 Sekolah Bestari Sebagai Satu Inovasi Pendidikan

Dalam konteks perubahan pendidikan secara global, idea Sekolah Bestari atau '*Smart School*' bukanlah yang terkini. Di barat, idea ini diilhamkan dan diterjemahkan kepada realiti (Fiske et al., 1992). Di Malaysia, sungguhpun idea '*Sekolah Bestari*' telah mendapat perhatian serius KPM enam tahun yang lalu, Sekolah Bestari hanya dibentuk pada Januari 1999. KPM menjangkakan kesemua 10,000 buah sekolah akan menjadi Sekolah Bestari menjelang tahun 2010 (KPM, 1997; Smart School Project Team, 1997a). Fenomena sebegini menggambarkan pengaruh perkembangan alam pendidikan luar negara ke atas perkembangan sistem pendidikan negara dan sesuai dengan idea Ohmae (1991) mengenai dunia '*borderless*'.

Dalam konteks Malaysia, idea Sekolah Bestari merupakan satu inovasi pendidikan. Mengikut KPM, di Sekolah Bestari nanti:

Pembelajaran beranjak daripada berpusatkan pendidik kepada yang berpusatkan pelajar, dan disokong oleh kurikulum fleksibel dan terbuka [untuk]...menjamin setiap pelajar...mencapai potensi sepenuhnya dalam cara yang paling sesuai mengikut kadar dan gaya pembelajaran.... Sekolah akan memupuk kemahiran penyelesaian masalah yang kreatif bagi menghadapi situasi baru. Pelajar akan bertindak dengan berani dalam membuat keputusan dan bertanggungjawab terhadap keputusan itu. Pelajar akan belajar memproses...dan memanipulasikan maklumat. Mereka akan dilatih berfikir secara kritis dan membuat refleksi tentang apa yang mereka telah pelajari, selain memindah dan menggunakan pengetahuan daripada satu disiplin ke disiplin yang lain serta dalam kehidupan seharian. Pelajar akan...mencari dan mengumpul maklumat...melalui alat seperti Internet. ...Usaha berpasukan, kerjasama kumpulan, fleksibiliti, pandangan jauh... juga ditekankan. [Pendidik pula]...memainkan peranan sebagai "pembimbing di sisi" dan bukan lagi sebagai "pendeta di atas pentas". Pendidik akan mengenal pasti matlamat, mendefinisikan hala tuju pelajarnya, memandu kemajuan pelajar ke arah mencapai matlamat tersebut, dan membenarkan pelajar belajar mengikut kadar kendiri..... Pendek kata, pendidik akan bertanggungjawab menyediakan suasana yang menggalakkan pembelajaran terarah kendiri yang kreatif dan berdikari (KPM, 1997, m.s.1-3).

Menteri Pendidikan turut menjelaskan bahawa program Sekolah Bestari bertujuan bukan sahaja untuk memenuhi keperluan Koridor Raya Multimedia semata-mata, tetapi juga untuk membentuk generasi baru Malaysia yang lebih kreatif dan inovatif dalam pemikiran pelajar-pelajar. Pelajar-pelajar dapat menerima teknologi baru dan berupaya untuk mengaksess dan mengurus dengan lebih cekap seiring dengan ledakan maklumat (KPM, 1997).

Jika diteliti projek-projek yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh KPM semenjak negara mencapai kemerdekaan sehingga sekarang, didapati Program Sekolah Bestari adalah yang paling bercita-cita tinggi (*ambitious*) yang pernah dicuba. Bercita-cita tinggi bukan sahaja dari segi perbelanjaan dan penglibatan 8,700 buah sekolah, malah turut membabitkan 4.7 juta orang pelajar serta 300, 000 pendidik menjelang tahun 2010 (KPM,1997).

Program Sekolah Bestari juga bertujuan mengubah sistem pendidikan secara radikal (KPM, 1997:m.s.1) di mana budaya persekolahan akan ditransformasikan daripada "...sesuatu yang berdasarkan memori kepada yang berpengetahuan, berpemikiran, kreatif dan penyayang dengan menggunakan teknologi, pelbagai media dan jaringan yang meliputi seluruh dunia" (ibid.,m.s.1). Tujuannya bukan sahaja dapat memberi satu kriteria menilai kejayaan program pada masa akan datang tetapi secara tidak langsung juga menjelaskan bahawa usaha KPM untuk mengubah budaya persekolahan kepada yang berpusatkan pelajar setakat ini nampaknya tidak membawa hasil seperti yang diharapkan (KPM, 1992). Memandangkan kepada keadaan ini, peranan yang dimainkan oleh semua '*stakeholders*', termasuk pendidik menjadi lebih penting lagi sekiranya ingin melihat matlamat Program Sekolah Bestari tercapai.

Istilah ‘bestari’ adalah sinonim dengan cerdas, pandai, bijaksana, berpendidikan dan berketrampilan. Justeru itu bestari merujuk kepada manusia yang bukan sahaja pandai bahkan mempunyai ciri-ciri yang tersebut (Nor Azmi Ibrahim, 1999). Hakikatnya ‘insan’ yang cemerlang, berdaya fikir, kreatif, inovatif, bersahsiah mulia dan penyayang sentiasa menjadi impian semua. Inilah citra insan seimbang dan harmonis sebagaimana Falsafah Pendidikan Negara. Pendidikan yang cemerlang, unggul dan terbilang menjadi wahana utama untuk membentuk citra bangsa dan negara. Ini menuntut perubahan dan inovasi pendidikan yang berterusan bagi menjamin kelestarian sistem pendidikan negara sesuai dengan tuntutan alaf baru.

Program Sekolah Bestari merupakan satu transformasi besar pendidikan negara bagi menjamin keunggulan dan kecemerlangan serta merupakan suatu kesinambungan agenda reformasi pendidikan yang bertunjangkan Falsafah Pendidikan Negara (FPN), Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Melalui projek ini, ia bertujuan menjadikan sistem pendidikan negara cemerlang dan terbilang setanding dengan sistem pendidikan di negara-negara maju.

Menerusi Sekolah Bestari, perubahan sistemik (*systemic*) diharap dapat dilakukan terhadap sistem pendidikan negara daripada aspek kurikulum, sistem penilaian, pengurusan dan latihan guru. Sekolah Bestari memberi tumpuan ke arah melahirkan individu yang berilmu pengetahuan, berfikiran kreatif dan inovatif, penyayang dan berakhhlak mulia selaras dengan tuntutan dan cabaran masa kini dan akan datang (BPG, 1998a).

Sekolah Bestari di Malaysia adalah merujuk kepada:

“Satu institusi pembelajaran yang direka semula secara sistemik, dari segi amalan pengajaran pembelajaran dan pengurusan sekolah supaya dapat menyediakan generasi muda untuk Zaman Maklumat”

(Smart School Conceptual Blueprint: 1977a:20)

Sekolah Bestari berteraskan kepada proses pembelajaran yang berfokuskan kepada ‘pembinaan kuasa minda’ dan sama dengan idea yang diketengahkan oleh Perkin (1992) dan Fiske (1992) sebagai ‘*thoughtful learning*’. Sekolah Bestari juga merupakan institusi pembelajaran yang mengamalkan perubahan yang ‘*systemic*’ daripada aspek pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan untuk membolehkan pelajar menangani cabaran era teknologi maklumat yang akan datang. Projek perintis Sekolah Bestari diperkenalkan di 90 buah sekolah yang terdiri daripada 9 buah sekolah baru dan 81 buah sekolah menengah. Di antara sembilan buah sekolah baru itu ialah lima buah sekolah rendah dan empat buah sekolah menengah (Lihat Lampiran A - Senarai Sekolah Bestari).

Sekolah Bestari acuan Malaysia menjurus ke arah melahirkan insan yang berpengetahuan, berpemikiran, berketrampilan, kreatif dan menghayati nilai murni berasaskan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Matlamat tersebut akan dicapai melalui pengajaran dan pembelajaran yang berlaku dalam suasana yang lengkap dengan teknologi maklumat dan pelbagai alat komunikasi. Proses pendidikan di Sekolah Bestari mestilah merupakan proses pembangunan insan seutuhnya, di samping melahirkan pekerja ilmu yang mencari, mengemas kini dan menjana ilmu secara berterusan. Pembangunan akhlak diberi keutamaan seiring dengan usaha melengkapkan generasi akan datang dengan pengetahuan, kemahiran serta sikap yang sesuai dan diperlukan untuk menjadi pemimpin pada zaman maklumat.

Ledakan maklumat yang semakin pesat menuntut seluruh aktiviti dan amalan manusia berteraskan kepada kebestarian dan satu agenda yang berkesan amat diperlukan untuk membina generasi masa hadapan yang berketrampilan dengan kekuatan minda dan daya fikir yang tinggi supaya mampu menangani dan menguasai perubahan yang berlaku. Ciri utama insan bestari adalah cerdas, pandai, berpendidikan, berpengetahuan dan berakhlik mulia.

(a) Falsafah Dan Kurikulum Bersepadu Teras Sekolah Bestari

Pendidikan negara mempunyai falsafah dan kurikulum yang mantap untuk keperluan pembangunan insan masa kini dan akan datang. Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) mampu menjadi landasan kukuh dan relevan untuk pelaksanaan Sekolah Bestari. Justeru itu pelaksanaan sekolah bestari tanpa memerlukan satu kurikulum yang baru (Nor Azmi Ibrahim, 1999).

Selaras dengan beberapa penekanan baru dalam pengajaran dan pembelajaran bestari, ‘Huraian Sukatan Pelajaran KBSR dan KBSM’ untuk mata pelajaran tertentu telah dimurni dan diperluaskan lagi. Hasilnya Huraian Sukatan Pelajaran yang baru telah dikeluarkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Huraian Sukatan Pelajaran yang baru dapat menjadi panduan dan sumber rujukan yang penting untuk pendidik melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bestari (Nor Azmi Ibrahim, 1999).

Pembelajaran bestari dalam konteks pendidikan berteraskan Falsafah Pendidikan Negara yang bermatlamat untuk mengembangkan potensi individu secara

menyeluruh dan bersepadan bagi mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Allah. Individu yang bakal dilahirkan melalui persekolahan bestari nanti berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri dan menyumbang terhadap keharmonian dan kemakmuran negara. Dari perspektif Islam, pendidikan bestari adalah bertujuan untuk melahirkan insan soleh dan solehah yang sentiasa mengamalkan budaya berfikir mengenai alam dan kejadiannya untuk meningkatkan ketakwaan kepada Allah (Maktab Perguruan Kuala Terengganu, 1999).

Sekolah Bestari Malaysia menawarkan pendidikan dengan menggunakan pendekatan terbaik dan berkesan bagi mencapai Falsafah Pendidikan Negara dengan menggunakan teknologi sebagai kaedah utama dan disokong oleh manusia yang berketrampilan dan berkemahiran. Sekolah Bestari menggunakan maklumat untuk memilih serta melaksanakan kaedah dan peralatan yang berkesan dan disertai sokongan keperluan organisasi dan pembangunan profesional yang berterusan. Oleh itu Sekolah Bestari merupakan institusi pengajaran dan pembelajaran yang telah direka semula secara menyeluruh dari segi amalan pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan sekolah dengan tujuan untuk menyediakan kanak-kanak bagi ‘zaman maklumat’.

Sekolah Bestari berubah mengikut masa dengan pembentukan staf yang profesional, sumber-sumber pendidikan yang canggih dan berkeupayaan pentadbiran yang berterusan bagi membolehkan sekolah menyesuaikan diri dengan keadaan yang berubah. Di samping menyediakan pelajar untuk hidup dalam ‘zaman maklumat’, Sekolah Bestari juga memerlukan pendidik yang berkemahiran agar dapat berfungsi dengan lebih berkesan.

Sekolah Bestari berfokuskan kepada pembudayaan amalan berfikir untuk membina kekuatan minda di kalangan pelajar bagi menghadapi pelbagai cabaran seperti era teknologi maklumat dan perkampungan global (*global village*). Aktiviti pengajaran dan pembelajaran lebih tertumpu kepada ‘pembinaan minda’ pelajar. Pengintegrasian teknologi terkini dalam proses pengajaran pembelajaran akan berupaya meningkat dan mengembangkan pemikiran pelajar berdasarkan kepelbagaian sumber maklumat yang melampaui batasan bilik darjah. Penggunaan teknologi komputer seperti multimedia, rangkaian jaringan setempat (*Local Area Network – LAN*), jaringan kawasan luas (*Wide Area Network – WAN*), internet dan pelbagai perisian multimedia pada kemampuan kendiri dan perolehan sumber pembelajaran dengan kendiri untuk mengoptimumkan proses pembelajaran berdasarkan pendekatan berpusatkan pelajar (Nor Azmi Ibrahim, 1999).

Pada peringkat terunggul, pembelajaran bestari memberi peluang yang lebih luas melalui kelas ekspres maya (*virtual express class*) yang memberi ruang terbaik kepada pelajar pintar untuk terus maju dalam kadar waktu yang singkat berbanding dengan rakan sebayanya. Dalam keadaan biasa, pembelajaran bestari akan memberi ruang kepada pelajar pertengahan (*average*) untuk bergerak mengikut kemampuan sendiri dengan pelbagai sumber dan bahan pembelajaran sokongan sama ada dalam bentuk aktiviti pemulihan atau pengayaan.

Selaras dengan perubahan dan penekanan baru dalam pengajaran dan pembelajaran bestari, aspek penilaian juga turut menjurus ke arah penilaian bestari (*smart assessment*). Penilaian di peringkat pusat dan pentaksiran berdasarkan sekolah memberi penekanan kepada aspek berfikir dan kreativiti. Oleh itu pembelajaran dan pentaksiran dianjukkan menjurus kepada aspek berfikir.

Program Sekolah Bestari melibatkan satu intervensi kurikulum secara besar-besaran. Pelaksanaannya di sekolah-sekolah terpilih sedang dijalankan. Penghasilan '*Conceptual Blueprint*' (Smart School Project Team, 1997a) telah dibuat dan diedarkan serta sebilangan daripada pendidik dan kakitangan sumber di peringkat sekolah dan maktab perguruan telah dipilih dan diberi latihan untuk tujuan yang berkaitan.

1.2.2 Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari

Profesion perguruan di Malaysia menghadapi banyak cabaran dan pembangunan sama ada dari segi kemahiran dan status pendidik, dan corak pengajaran pembelajaran di bilik darjah. Pendidikan keguruan yang bermula dengan Kursus Perguruan Asas (KPA) dinaiktarafkan menjadi Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) dan Kursus Diploma Perguruan Khas (KDPK) yang kemudiannya ditukarkan kepada Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG) dalam pelbagai bidang. Pendidikan di Malaysia telah maju setapak lagi dengan lahirnya Sekolah Bestari. Perkembangan yang pesat adalah ekoran daripada matlamat Wawasan 2020 yang mahukan Malaysia menjadi sebuah negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020 nanti.

Sistem pendidikan mesti bersifat dinamik agar berupaya melahirkan warga negara yang berfikiran kritis dan kreatif seiring dengan pembangunan negara ke arah globalisasi. Program pendidikan guru adalah bersifat pembangunan minda untuk melahirkan pendidik serta pelajar-pelajar yang berkognitif tinggi, berdaya tahan dan mampu pula bersaing di dunia yang semakin 'kecil'. Budaya berfikir penting kerana bukan sahaja mampu membantu pendidik untuk membuat refleksi terhadap tugas

mereka malah mampu membantu pelajar membuat andaian dan telahan terhadap dunia yang bakal diharungi nanti.

Pelajar diharapkan dapat dan boleh berfikir serta mampu melahir dan menggunakan idea-idea yang bernes, berisi dan berguna untuk pembangunan diri dan negara. Pendidikan memerlukan pendidik yang berfikiran reflektif, kritis dan kreatif untuk melahirkan pelajar-pelajar yang bijak (*smart*) dalam menimba serta menggunakan ilmu yang telah diperolehi. Sejajar dengan maksud Sekolah Bestari yang menggalakkan pelajar berdikari dalam memperolehi pengetahuan, pelajar disediakan peluang untuk belajar mengikut kadar pembelajaran sendiri serta meneroka bidang baru yang diminati dan memaksimumkan potensinya ke tahap cemerlang. Secara langsung membina budaya ilmu dan membentuk pelajar untuk berdaya fikir secara kreatif , kritis dan bersifat penyayang.

Sekolah Bestari ialah wahana kritikal untuk menjayakan wawasan 2020. Kurikulum sekolah dan latihan guru harus berfokuskan kebestarian. Pendidik sebagai agen perubahan mempunyai tanggungjawab dan peranan penting untuk menjayakan reformasi pendidikan negara. Bagi membolehkan pendidik melaksanakan tanggungjawab tersebut, Bahagian Pendidikan Guru (BPG) Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan Kursus Dalam Perkhidmatan iaitu Kursus Latihan Guru Sekolah Bestari untuk meningkatkan amalan profesionalisme pendidik sebagai pemudahcara dan pengguna teknologi yang cekap untuk mengoptimumkan proses pembelajaran di Sekolah Bestari. Malah pendidik di sekolah berperanan sebagai pembimbing, manakala pelajar digalakkan berdikari dalam menimba ilmu menggunakan kemudahan teknologi maklumat seperti mengakses internet dan menggunakan mel elektronik. Pendidik juga tidak lagi memberi satu pengajaran yang

sama untuk semua tetapi cuba menyediakan pengalaman pembelajaran yang berlainan untuk setiap pelajar berdasarkan kebolehan dan minat pelajar itu. Teknologi maklumat membolehkan program berlainan disediakan untuk pelajar-pelajar.

Pada tahun 1998, Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari (KGLSB) telah diperkenalkan oleh Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia. Oleh itu, BPG telah merancang dan melaksanakan Kursus Dalam Perkhidmatan (KDP) 14 Minggu Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari menerusi maktab perguruan bagi memenuhi keperluan tenaga pengajar di Sekolah Bestari. Buat permulaan, pendidik yang dipilih untuk mengikuti kursus tersebut terdiri daripada mereka yang mengajar matapelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. Pendidik yang terpilih diberi latihan intensif dalam pedagogi yang boleh meningkatkan pemikiran, kreativiti dan penggunaan teknologi maklumat. Pendidik ini dilengkapkan dengan kaedah memudahkan dan menggalakkan pelajar menguruskan pembelajaran kendiri. Program latihan guru bestari memainkan peranan yang penting malah merupakan faktor utama yang akan menentukan kejayaan Sekolah Bestari (Siti Hawa Ahmad, 1997).

Penglahiran KLGSB merupakan hasil perbincangan antara pegawai-pegawai BPG dan tenaga pengajar maktab perguruan serta pakar-pakar daripada agensi-agensi Kementerian Pendidikan yang lain. KLGSB berhasrat untuk:

- (i) Menyediakan pendidik untuk menangani perubahan terkini dalam pendidikan negara dan dunia.

- (ii) Menjana kekuatan minda bagi melahirkan pendidik yang reflektif untuk menghadapi cabaran Era Teknologi Maklumat, selaras dengan matlamat pendidikan guru bestari.
- (iii) Memantapkan ketrampilan profesionalisme pendidik untuk mengaplikasikan pedagogi bestari bagi melahirkan pekerja ilmu yang bertaraf dunia.
- (iv) Meningkatkan penggunaan pelbagai teknologi secara bestari sebagai alat pengajaran pembelajaran yang berkesan.
- (v) Memupuk sikap positif dan nilai murni sejajar dengan tuntutan dan cabaran Era Teknologi Maklumat.
- (vi) Memantapkan jalinan kesejawatanan dan pemuaafakan profesionalisme bagi mengekal dan menyokong sistem pendidikan bestari, dan
- (vii) Mempertingkatkan penghayatan dan amalan pendidikan sepanjang hayat.

(BPG, 1998a:ii)

(a) Matlamat Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari

Perancangan dan pelaksanaan KLGSB mengambil kira matlamat menyediakan pendidik yang berkualiti, dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai pendidik bestari yang berkesan. Kualiti pendidik yang dilahirkan menerusi kurikulum ialah berpengetahuan, berkemahiran, pandai, cerdas, mempunyai nilai-nilai murni serta bersikap positif. Bakal pendidik bestari juga diharapkan dapat memahami

konsep dan prinsip asas dalam konteks Falsafah Pendidikan Negara (FPN) sebagai asas menjadi pendidik yang profesional dan berkesan. Pendidik juga diharapkan dapat membuat analisa, menguasai dan mengaplikasi segala prinsip, kemahiran-kemahiran dan nilai yang diperlukan oleh seorang insan yang bestari dan profesional yang terdapat dalam bidang perguruan semasa mereka menjalankan tugas mereka sebagai pendidik di dalam atau luar bilik darjah.

Matlamat KLGSB adalah untuk meningkatkan amalan profesionalisme pendidik sebagai pemudahcara dan pencetus inovasi untuk mengoptimumkan pembelajaran dengan berbantuan teknologi. Objektif kursus latihan ini adalah untuk melahirkan pendidik yang berketrampilan dalam:

- i) Merancang dan menggubal pakej pembelajaran mengikut kurikulum bestari
- ii) Memudah cara dan menguruskan pembelajaran berpusatkan pelajar melalui pelbagai strategi yang inovatif dan kreatif
- iii) Mengaplikasi dan mengintergrasikan teknologi seperti multimedia, internet dan komunikasi digital dalam pengajaran dan pembelajaran;
- iv) Mengurus bilik darjah yang berkemudahan teknologi multimedia.

(BPG,1999)

Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari digubal berasaskan Falsafah Pendidikan Negara, Falsafah Pendidikan Guru, perkembangan-perkembangan terkini dalam era globalisasi, teknologi maklumat dan telekomunikasi, daptan-dapatan

daripada seminar dan bengkel serta hasil lawatan ke luar negara (BPG 1998). Malah ia bertujuan untuk meningkatkan ketrampilan guru terlatih supaya dapat melaksanakan pengajaran pembelajaran bestari.

(b) Metodologi Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari

Program latihan guru sekolah bestari bertujuan meningkatkan ketrampilan guru-guru terlatih, aspek peningkatan ilmu pengetahuan serta pedagogi bestari disepadukan melalui pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran seperti kuliah dan latihan amali dalam bentuk bengkel, seminar, perbincangan, refleksi, sumbangsaran, pembentangan dan pembelajaran berbantuan teknologi. Pendekatan pedagogi dan andragogi amat ditekankan kerana peserta adalah guru terlatih yang berpengalaman. Konsep mengintergrasikan kemahiran generik serta pengurusan pembelajaran bestari juga ditekankan di sepanjang kursus. Pelaksanaan latihan ini memberi tumpuan kepada strategi berikut:

- i) Kaedah modular untuk kemahiran-kemahiran generik. Modul-modul yang disediakan bersifat *kadar kendiri, akses kendiri dan terarah kendiri* bagi memenuhi keperluan peserta yang mempunyai tahap kemasukan yang berlainan.
- ii) *Hands-on, minds-on* dan *experiential*. Konsep pengintergrasian pelbagai pengetahuan, kemahiran, sikap dan nilai yang diperolehi akan dilaksanakan sepanjang kursus terutama dalam menyempurnakan tugas utama kursus iaitu penyediaan pakej pembelajaran.


(BPG, 1999)

(c) Strategi Pelaksanaan Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari

Kurikulum Latihan Guru Sekolah Bestari disampaikan secara pengembangan dan serentak (*developmental dan concurrent*) dengan mengintergrasikan pengetahuan dan kemahiran dilakukan secara berperingkat-peringkat. Tumpuan utama kurikulum tersebut ialah pembinaan projek pakej pembelajaran dengan penerapan kemahiran-kemahiran generik dan pengurusan pembelajaran bestari. Projek pakej disimulasikan sebelum peserta menjalani praktikum di sekolah. Pendidik guru bertanggungjawab menyampaikan topik-topik yang ditugaskan dengan membimbing, menunjuk cara serta membuat pengurusan perubahan diri pada individu, mentaksir dan menilai dan membentuk pasukan pendidik di sekolah bestari. Strategi pengajaran pembelajaran pendidik guru dalam kurikulum ini menekankan pembelajaran kendiri yang bersifat kadar kendiri, akses kendiri dan terarah kendiri.

Dalam penyampaian dan pengendalian KLGSB, pendidik guru menggunakan pelbagai strategi seperti syarahan, tunjuk cara, pembelajaran koperatif, perbincangan, sumbangsaran, projek, pembelajaran berbantuan teknologi dan lain-lain. Strategi yang dipilih bergantung kepada jenis pengetahuan atau kemahiran yang ingin disampaikan. Topik yang melibatkan pembelajaran isi kandungan biasanya disampaikan secara syarahan, perbincangan kumpulan, pembentangan kumpulan dan lain-lain. Topik yang menekankan pembelajaran kemahiran contohnya kemahiran penggunaan komputer biasanya disampaikan secara tunjuk cara, sesi praktik, penerangan atau pembelajaran modul.

Pelaksanaan keseluruhan kursus ini dapat ditunjukkan dalam Rajah 1.1 di bawah:



Rajah 1.1:
Model Pelaksanaan Kurikulum Latihan
Guru Sekolah Bestari (BPG: 1998)

(d) Hasrat Dan Pelaksanaan

Di Malaysia, sehingga kini, terdapat hanya dua kajian yang dijalankan iaitu Lee et al (1998) dan Mazlan Abdul Aziz (1999) yang berkaitan dengan pelaksanaan KLGSB di maktab perguruan. Kedua-kedua kajian ini merupakan penilaian pelaksanaan kurikulum kursus. Penemuan utamanya mendapati kebanyakan peserta menganggap isi kandungan kurikulum dalam kursus adalah sesuai untuk

melatih pendidik sekolah bestari. Kajian Lee et al (1998) ini hanya dilakukan di sebuah buah maktab perguruan maka generalisasi tentang keadaan kursus agak sukar untuk dinyatakan. Manakala kajian oleh Mazlan (1999) hanya menjurus kepada persepsi guru-guru Bahasa Melayu yang pernah menjalani kursus Latihan Guru Sekolah Bestari selama 14 minggu di maktab perguruan terhadap Kursus Latihan Guru Bestari. Pengkaji merasakan adalah wajar merujuk kepada beberapa kajian yang dilaksanakan dalam kurikulum yang terdahulu seperti Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Tindakan ini dapat membantu memahami bahawa situasi yang berlaku mungkin serupa apabila KLGSB dilaksanakan di maktab-maktab perguruan.

Kemerosotan dalam keputusan peperiksaan bagi subjek-subjek seperti Matematik dan Bahasa Inggeris di peringkat sekolah amat membimbangkan (Tan, 1997). Ia menimbulkan keraguan kerana pencapaian yang lemah dalam subjek tertentu memperlihatkan matlamat dan objektif yang tersurat berkemungkinan besar tidak akan tercapai. Proses pendidikan memperlihatkan ke arah menghasilkan satu generasi yang mementingkan pensijilan iaitu pencapaian dalam peperiksaan umum yang dikendalikan oleh kerajaan. Suasana sebenar dalam bilik darjah dan pelajar untuk memperolehi pengetahuan yang dapat meningkatkan pencapaian mereka dalam peperiksaan kelak dikatakan membantu mereka mendapatkan pekerjaan yang baik. Secara langsung akan mempengaruhi gaya pembelajaran di kalangan pelajar-pelajar di sekolah-sekolah. Mereka lebih mengutamakan pengetahuan sekolah (*school knowledge*) iaitu pelajaran yang akan diuji dan bukannya terhadap pencarian ilmu dan nilai-nilai yang hendak diterapkan melalui sesuatu subjek tersebut.

McNeil (1988) telah menjalankan kajian bagaimana pendidik di sekolah menggunakan kurikulum untuk mempengaruhi sikap pelajar terhadap kerja sekolah. Beliau mendapati sikap pelajar terhadap kerja sekolah adalah berdasarkan pengalaman mereka bahawa apa yang dipentingkan adalah hasil. Sebarang aktiviti yang tiada hubungan dengan matlamat akhir tidak sama sekali akan mendorong mereka meneroka bentuk pengetahuan yang lain atau mengetahui isu-isu semasa yang berlaku di persekitaran mereka. Bagi McNeil (1988), pelajar menganggap diri mereka sebagai pekerja (*workers*) di dalam sekolah dan pembelajaran mengambil tempat kedua selepas menyelesaikan tugas sekolah. Ini memperlihatkan satu konflik kepentingan pendidikan di kalangan pelajar itu sendiri.

Dalam aspek pengajaran subjek pula, Mohd Said Mohd Radzi (1982) dan Khamis Endin (1986) menyatakan bahawa kaedah-kaedah tradisional seperti kaedah kuliah, pemberian nota dan hafalan masih kuat diamalkan oleh pendidik di sekolah. Tumpuan utama terletak pada guru, sementara para pelajar hanya bertindak sebagai penerima pasif. Alasan biasa diberikan oleh pendidik di sekolah untuk mengekalkan kaedah-kaedah pengajaran tradisional kerana bebanan kerja yang berat dan masa yang tidak cukup untuk menghabiskan sukatan pelajaran yang luas bagi menghadapi peperiksaan. Ini memperlihatkan realiti dalam bilik darjah di mana kaedah-kaedah yang disarankan dalam huraihan sukatan pelajaran terutamanya dalam perkembangan pemikiran kritis tidak dapat dan tidak mampu dilaksanakan. Situasi sebegini mendorong Zuhairi (1991) memperjelaskan bahawa 'pendidik di sekolah sebagai pelaksana, dikatakan gagal memenuhi tanggungjawab yang diberi dan diharapkan'.

Tidak ramai ahli pendidik atau ilmuan yang mengetengahkan aspek kegagalan ini tetapi dari kajian-kajian dan laporan-laporan pendidikan, tidak dinafikan bahawa pendidikan yang berasaskan pendidikan sesuatu subjek '*per se*' sememangnya menghadapi banyak masalah terutamanya dalam aspek pengajaran dan melahirkan minat pelajar terhadap mata pelajaran tersebut. Oleh itu cabaran masa depan mata pelajaran terletak di tangan setiap guru yang mengajarnya yang berpotensi menghidupkan mata pelajaran tersebut dalam proses pengajaran pembelajaran di bilik darjah. Situasi yang sama ini adalah menjadi agenda utama yang ingin diperhatikan oleh pengkaji di kalangan pendidik guru sewaktu melaksanakan KLGSB di peringkat maktab perguruan.

1.3 Pernyataan Masalah

Program Sekolah Bestari telah dilaksanakan, manakala pendidik di sekolah, pendidik guru di maktab perguruan dan pegawai Kementerian Pendidikan sedang giat dan sudah menjalani latihan intensif selama 14 minggu sebagai persediaan mengendalikan perjalanan sekolah bestari. Sebahagian daripada pendidik ini menjalani latihan lanjutan aplikasi perisian komputer dengan gabungan KLGSB yang dikendalikan oleh BPG.

Menurut Havelock dan Huberman (1977), di negara sedang membangun, pelaksanaan sesuatu inovasi pendidikan tidak menggambarkan satu hasil yang diharapkan. Bank Dunia (1980) melaporkan banyak aktiviti perkembangan dan pelaksanaan sesuatu inovasi pendidikan tidak dapat mencapai hasratnya disebabkan ada tentangan terhadap inovasi atau perubahan dari klien yang tidak mempunyai

maklumat yang cukup, sumber-sumber yang mencukupi, strategi pelaksanaan dan pemantauan yang baik.

Clark dan Yinger (1977) menyatakan apa yang dibuat oleh pendidik dipengaruhi oleh pemikiran pendidik sendiri. Sikap dan kefahaman pendidik terhadap sesuatu inovasi adalah faktor penting dalam menentukan kejayaan pelaksanaan. Sesuatu inovasi pendidikan tidak akan tercapai matlamatnya jika tiada perubahan nilai dan kepercayaan di kalangan pelaksana (pendidik) dalam melaksanakan inovasi tersebut.

Pendapat Clark dan Yinger (1977) ini diperkuuhkan oleh idea yang dikemukakan oleh Brown dan McIntyre (1993) yang menjelaskan bahawa ‘telah banyak berlaku kegagalan dalam inovasi kurikulum pada masa yang lepas, salah satunya mungkin kerana inovasi tidak mengambil kira bagaimana pendidik mentaksir apa yang sebenarnya berlaku di dalam bilik darjah dan kegagalan untuk menentukan di manakah pendidik seharusnya bermula’ .

Kajian-kajian terhadap pelaksanaan inovasi kurikulum di Malaysia telah menunjukkan pelaksananya iaitu pendidik di sekolah telah mengubah inovasi sehingga terdapat banyak perbezaan antara apa yang diamalkan di bilik darjah dengan apa yang dikehendaki oleh kurikulum. Umpamanya Projek Penilaian KBSR oleh Azizah (1987), Noor Azmi (1988), Sains Panduan oleh Charlesworth (1975), Sejarah (Napsiah, 1993 dan Tan, 1997) dan Biologi Moden (Zainal, 1989).

Azizah (1987) telah mendapati inovasi kurikulum KBSR telah menemui pelbagai masalah dari segi pelaksanaan. Azizah (1987) kemukakan empat faktor yang

menyukarkan pelaksanaan inovasi kurikulum yang bertumpukan pelajar. Faktor-faktor itu ialah:

- (i) Kekurangan latihan dan profesionalisme di kalangan kebanyakan kakitangan pendidikan.
- (ii) Pelaksanaannya yang terlalu cepat (*hasty*).
- (iii) Kawalan pusat dan struktur organisasi yang berbentuk hierarki dalam pendidikan.
- (iv) Konteks sosio ekonomi Malaysia sendiri.

Sharifah dan Lewin (1991) telah mengkaji perkembangan kurikulum di Malaysia melaporkan bahawa kurikulum yang disediakan di peringkat pusat kurang mengalami keselarasan di antara hasrat objektif-objektif pendidikan dengan apa yang dilaksanakan. Rasional yang dikemukakan ialah:

- i) Kelemahan dari aspek strategi penyebaran kurikulum baru yang terlalu cepat dan optimistik terhadap kesanggupan pendidik untuk mengubah amalan mereka.
- ii) Terdapat berbagai interpretasi konsep kurikulum, falsafah yang menyebabkan kekaburuan berlaku di kalangan pendidik.
- iii) Strategi pengajaran dan pembelajaran yang bukan menjadi kebiasaan kepada pendidik menyebabkan pendidik salah anggap mengenai sesuatu konsep pedagogi. Misalnya kerja kumpulan dianggap oleh pendidik sebagai penyusunan semula kedudukan tempat duduk pelajar-pelajar sahaja tetapi pengertian sebenarnya adalah lebih dari itu iaitu